

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

SOALAN NO. 320

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah graduan doktor perubatan dalam dan luar negara bagi tahun 2015, 2016, 2017 dan 2018 dan berapa jumlah graduan yang masih belum menjalani latihan amali atau masih belum mendapat penempatan di hospital Kerajaan atau masih menganggur. Jelaskan punca utamanya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lantikan Pegawai Perubatan Gred UD41 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari kalangan graduan universiti dalam Negara mengikut tahun adalah seperti berikut:

- a) Tahun 2015 = 2,349 orang;
- b) Tahun 2016 = 2,106 orang;
- c) Tahun 2017 = 3,077 orang; dan
- d) Tahun 2018 = 3,498 orang.

Jumlah lantikan Pegawai Perubatan Gred UD41 di KKM dari kalangan graduan universiti luar Negara mengikut tahun pula adalah seperti berikut:

- a) Tahun 2015 = 1,791 orang;
- b) Tahun 2016 = 2,254 orang;

- c) Tahun 2017 = 1,826 orang; dan
- d) Tahun 2018 = 1,426 orang.

Sehingga Ogos 2019, terdapat seramai 2,151 graduan perubatan yang masih belum mendapat tempat untuk menjalani latihan siswazah. Di antara faktor berlakunya graduan perubatan yang masih belum ditawarkan slot latihan siswazah adalah seperti berikut:

- a) Jumlah keluaran graduan yang meningkat berbanding dengan jumlah slot latihan yang boleh disediakan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah pada masa ini adalah sebanyak 12,033 slot latihan. Kesemua slot latihan tersebut telah diisi sepenuhnya oleh Pegawai Perubatan Siswazah (PPS). Slot tersebut hanya dikosongkan sebaik sahaja PPS sedia ada menamatkan latihan mereka sedangkan jumlah keluaran graduan perubatan dari dalam dan luar negara (sukar dikawal) yang dianggarkan adalah sebanyak 5,000 hingga 6,000 setahun; dan
- b) Berdasarkan rekod KKM, sebanyak 32.9 peratus PPS tidak berjaya menamatkan latihan dalam tempoh dua (2) tahun seperti ditetapkan dan mengambil masa yang lebih lama untuk menamatkan Latihan Siswazah kerana faktor peribadi dan kompetensi. Ini menyebabkan slot latihan tidak dapat dikosongkan untuk diisi oleh graduan perubatan baharu, justeru menyebabkan berlakunya *backlog* (dengan izin).

Sekian, terima kasih.